

Kongsi Ilmu Mengaji Al-Quran Secara Maya

Oleh: Mohd Idlan Bin Yahaya 1180174

Disember 7, 2020



Faris, 21, sedang menjalankan kelas secara atas talian di rumahnya. Foto oleh Idlan Yahaya

REMBAU – Sentiasa mahu berkongsi dan itulah yang menjadi prinsip Mohd Faris Bin Jalaludin, 21, yang merupakan guru mengaji al-Quran sementara di Taman Al-Quran, Rembau.

Faris kini meluangkan masa senggang dengan mengajar al-Quran di Taman Al-Quran secara maya sejak dua bulan lalu.

Menurut anak muda yang suka berkongsi ini, beliau mengetahui kewujudan Taman Al-Quran melalui adiknya yang juga merupakan tenaga pengajar di alma mater itu.

Katanya, beliau berasa bersyukur kerana dapat mencurahkan bakti kepada anak-anak muda untuk mendekati diri kepada Al-Quran. “saya sebelum menjadi guru di Taman Al-Quran, saya merasa tidak wajar kalau tidak mahu berkongsi ilmu dan berbakti kepada anak muda yang mahu

mendekatkan diri dengan Al-Quran,” ujarnya.

Guru kepada 18 orang pelajar itu menetapkan masa pembelajaran bermula pada jam 5.00 petang sehingga pukul 6.30 dan seterusnya jam 8 malam sehingga 9.

Beliau konsisten meneruskan pengajaran mengaji Al-Quran lima kali seminggu, Isnin hingga Jumaat dan cuti pada hujung minggu.

Kelas secara maya menggunakan kaedah ‘video call’ dan ‘rakaman suara’ ternyata mudah bagi Faris mengendalikan pengajaran di atas talian.

Namun, tidak dinafikan adanya kekangan dan masalah menjalankan pengajaran secara maya meskipun kaedah pengajaran menjadi mudah.

“saya menghadapi masalah rangkaian Internet yang kurang memuaskan kerana tinggal di kawasan kampung.

“kadang kala menghadapi pelajar yang kurang senang untuk belajar dan mengikut ‘mood’ mereka.

Menurutnya, pembelajaran masih boleh diteruskan meskipun wabak Covid-19 dengan adanya kecanggihan teknologi dan rangkaian Internet. “sekiranya tidak dapat dilakukan secara bersemuka pelajar dan guru masih boleh bersemuka secara atas talian, anak-anak muda juga tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Katanya, zaman moden ini masyarakat khususnya anak muda patut memanfaatkan kemudahan dan kesenangan yang dikecapi dengan sebaiknya.



Persediaan mengendalikan kelas atas talian. Foto oleh Idlan Yahaya